

03/10/1998

Usah ramal bakal TPM: Rafidah

KUALA KANGSAR, Jumaat - Ahli Umno diminta tidak membuat ramalan mengenai siapa yang layak dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri untuk mengelakkan perkara buruk dalam parti.

Ahli Majlis Tertinggi (MT), Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata pemilihan jawatan itu biarlah ditentukan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri.

"Janganlah sesiapa cuba membuat telahan dan jangkaan mengenai siapa yang akan naik kerana sebagai orang beragama, kita sepatutnya berserah kepada Allah. Hanya Allah yang layak menentukannya.

"Kita boleh merancang dan mengaturnya tetapi yang menentukannya adalah kuasa Tuhan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung Persatuan Keluarga kemas cawangan Perak, di sini hari ini.

Rafidah berkata, jika seseorang itu mula membuat ramalan, maka ramai yang akan fikir mereka layak untuk menjawat jawatan itu kerana sifat manusia memangnya begitu.

Menurutnya, kalangan ahli Umno juga seharusnya tidak melayan nafsu untuk berbuat demikian kerana ia akan hanya membahayakan diri sendiri, parti dan negara.

(END)